

Klinik Pakar

Perkhidmatan

Posted by: webmaster

Posted on : 2013/4/29 3:30:00

[Home](#) / [Perkhidmatan](#) / [Klinik](#)/ Klinik Pakar

PENGENALAN

Klinik Lawatan Pakar diwujudkan di Hospital Tanpa Pakar dengan tujuan untuk memudahkan pesakit mendapatkan pemeriksaan Pakar dan juga memudahkan Pegawai Perubatan membuat rujukan. Perkidmatan ini juga dapat mengurangkan masa menunggu pesakit dan menjimatkan belanja pesakit bagi mendapatkan pemeriksaan dan perkhidmatan Pakar. Perkhidmatan Klinik Lawatan Pakar adalah mengikut jadual yang di tetapkan dan pesakit akan di beri tarikh temu janji dan jadual lawatan akan disediakan oleh Pakar, contohnya sebulan sekali, dua kali sebulan atau setiap minggu.

OBJEKTIF

Memberi perkidmatan rawatan dan pemeriksaan kepakaran yang terbaik, efektif dan efisen serta berkualiti di dalam memenuhi keperluan, kehendak dan hasrat pelanggan.

MISI

Mewujudkan satu organisasi kesihatan mesra yang memberi perawatan kepakaran optima yang berkualiti, bernilai terkini dan berharmonis.

VISI

Menyediakan Perkhidmatan Yang Berkualiti Dan Cepat Ke Arah Hospital Rakan Anda

FUNGSI

Menerima kes yang dirujuk oleh pegawai perubatan mengikut temu janji untuk pemeriksaan, siasatan makmal, rawatan serta rujukan ke lain-lain institusi. Lawatan Pakar adalah di datangkan dari Hospital Sungai Petani dan Hospital Alor Setar mengikut jadual yang di tetapkan. Terdapat pelbagai disiplin di klinik lawatan pakar iaitu :

Klinik Lawatan Pakar Kanak-Kanak

Klinik Lawatan Pakar Pembedahan AM

Klinik Lawatan Pakar Perubatan AM

Klinik Lawatan Pakar Mata

Klinik Lawatan Pakar ENT

Klinik Lawatan Pakar Kulit

Klinik Lawatan Pakar Pesakit Mental

Klinik Lawatan Pakar Ortopedik

Klinik Lawatan Pakar Dada

Klinik Lawatan Pakar Pesakit Puan

BIDANG TUGAS

Bertanggung jawab untuk menjalankan pemeriksaan, membuat siasatan makmal dan merawat pesakit yang di rujuk. Pesakit akan di beri tarikh temu janji untuk datang samula jika diperlukan. Klinik ini juga bertanggung jawab untuk merujuk pesakit untuk di masukkan ke dalam wad untuk rawatan selanjutnya, contohnya untuk pembedahan. Pakar juga bertanggungjawab di dalam menyediakan laporan perubatan apabila diperlukan.

Pegawai Penyelia : Pn. Siti Rafidah Bt Ariffin (Ketua Jururawat Gred U32)

Email : sitirafidah@.moh.gov.my

Telefon (P) : 04-470 1333 EXT 1930